

TEKS UCAPAN

YBHG. PROF. DR. RAHA ABDUL RAHIM

NAIB CANSELOR

MAJLIS PENUTUP

KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

PERINGKAT UNIVERSITI AWAM KALI KE 15 2019

21 OGOS 2019 (RABU); 8:00 MALAM

PERKARANGAN DEWAN CANSELOR

Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi
Naib Canselor UniMAS

Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan
Pengarah, Pusat Transformasi Insan USM, yang juga merupakan Mantan Naib Canselor UTeM

Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Penolong – Penolong Naib Canselor Universiti Awam,

Y.Berusaha Encik Masdzarif bin Mahat
Ketua Pegawai Operasi UTeM merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pemandu KIK UTeM

Yang Berusaha Tuan Haji Zainudin bin Haji Elias

Timbalan Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia merangkap Ketua Juri
Konvensyen

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, Barisan Panel Juri
Konvensyen, Wakil-Wakil Universiti, Para Peserta dan
Pemerhati, Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam
Sejahtera,

Salam Melaka Berwibawa, Pintar, Hijau, Bersih.

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT, dengan limpah kurnia dan izin-Nya kita dapat berkumpul pada Majlis Malam Penutup Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Peringkat Universiti Awam Kali ke 15 bagi tahun 2019.
2. Sepanjang tiga hari konvensyen ini berlangsung, saya yakin tuan-tuan dan puan-puan telah memperlihatkan daya inovasi dan kreativiti masing-masing menerusi penghasilan pelbagai projek dalam bidang pengurusan dan teknikal. Saya juga percaya, tuan-tuan dan puan-puan telah memperolehi pelbagai ilmu dan teknik menerusi persembahan projek-projek KIK dari semua kumpulan yang mengambil bahagian

dalam konvensyen ini, sekali gus memberi aspirasi dan idea-idea baharu yang lebih kreatif dan inovatif untuk kualiti perkhidmatan dan pengurusan yang lebih baik.

Hadirin dan hadirat sekalian,

3. Sepertimana kita sedia maklum, usaha membudayakan inovasi dan kreativiti perlu diterap dengan lebih pantas dan menyeluruh menerusi penjanaan lebih banyak idea-idea baharu. Pelaksanaan KIK ini dapat mewujudkan budaya kerja yang mantap, berinovasi, kreatif dan berpandangan jauh bagi meningkatkan kualiti kerja dan keberkesanan sistem penyampaian.

4. Malah, saranan oleh kepimpinan tertinggi negara supaya semua penjawat awam di setiap peringkat memiliki kapasiti intelektual serta nilai kreativiti dan inovasi yang tinggi dalam memastikan paradigma perkhidmatan awam terus terpacu ke mercu yang lebih cemerlang lagi.

Hadirin dan hadirat sekalian,

5. Inovasi merupakan elemen penting untuk perkembangan semua organisasi. Inovasi boleh membina sesuatu yang baharu atas landasan yang lama.

6. Tanpa inovasi, tidak akan wujud kemajuan. Justeru, inovasi dan kreativiti ialah sebahagian proses kelangsungan kita.
7. Bagi memastikan inovasi yang telah dihasilkan kekal lestari, penganjuran Konvensyen KIK ini tidak harus dilihat sebagai satu acara tahunan semata-mata. KIK seharusnya dijadikan satu mekanisme yang melibatkan penyelesaian masalah, atau penambahbaikan proses kerja dengan standard yang sedia ada, atau memperkenalkan sesuatu yang baharu di samping menerapkan konsep knowledge-based dan creativity driven bagi membolehkan organisasi menghasilkan inovasi yang memberi nilai tambah kepada produk atau perkhidmatan yang lebih cemerlang.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

8. Dalam konteks Institusi Pendidikan Tinggi sama ada Awam mahupun Swasta, tekad dan kebersungguhan untuk memacu kejayaan sangat penting, kerana institusi-institusi ini berperanan sebagai pusat pencarian dan penemuan ilmu yang tinggi. Di sinilah juga tercernanya segala ilmu dan terbangunnya idea-idea yang bernas, konstruktif lagi inovatif.

9. Penganjuran Konvensyen KIK di Peringkat Universiti Awam amat bertepatan dengan status institusi pendidikan tinggi sebagai pusat perkembangan ilmu yang banyak mencambah dan mencetuskan hasil-hasil inovasi dan kreativiti. Melalui ciptaan inovatif dan kreatif ini, sesbuah institusi akan sentiasa hidup serta berinteraksi secara aktif dengan persekitaran.
10. Selain itu, konvensyen ini juga menunjukkan bahawa elemen pengurusan dan teknikal berkait rapat antara satu sama lain. Tanpa pengurusan yang cekap dan rapi, walau secanggih mana bidang teknikal yang kita miliki, tidak

mungkin dapat menjamin pelaksanaan projek yang cemerlang.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

11. Saya yakin, menerusi penganjuran Konvensyen KIK peringkat Universiti Awam yang diadakan pada setiap tahun ini, mampu membentuk dan membudayakan warga universiti dalam mempelbagaikan dimensi inovasi sehingga mampu menjadi penyumbang solusi atau *solution provider* terhadap ekosistem persekitaran khususnya kepada pihak industri dan masyarakat setempat.

12. Ia juga turut menggalakkan budaya inovasi dalam cara berfikir, bertindak dan keinginan berubah supaya terus relevan dan selari dengan keperluan perkhidmatan dan amalan kerja semasa yang semakin mencabar masa kini.
13. Menerusi gabungan cetusan idea kreatif dan inovatif dari setiap para peserta, saya amat yakin, projek-projek KIK yang dihasilkan ini turut mengaplikasikan teknologi terkini yang mampu memberi solusi terbaik terhadap persekitaran yang lebih mesra dan kondusif, secara langsung dapat menyumbang kepada tahap kehidupan yang lebih baik dan melengkapi antara satu dengan yang lain.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

14. Bagi pihak tuan rumah penganjuran Konvensyen KIK Universiti Awam kali ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kepercayaan yang diberikan kepada UTeM. Diharapkan tuan-tuan dan puan-puan selesa dengan perkhidmatan dan layanan yang diberikan oleh UTeM sepanjang berlangsungnya konvensyen ini.

15. Tidak dilupakan, jutaan terima kasih diucapkan kepada rakan penaja iaitu Muar Usaha Bakti Sdn. Bhd., HBAR Technologies Sdn. Bhd., Applied Business Techologies Sdn. Bhd. dan Key Two Communications Sdn. Bhd.
16. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua kumpulan KIK Universiti Awam yang bertanding dalam Konvensyen pada kali ini.
17. Semoga semangat inovatif dan kreatif terus disuburkan dan dibudayakan dalam diri setiap warga universiti demi kecemerlangan diri, institusi dan negara dan tidak hanya dijadikan agenda pertandingan semata-mata.

Perabot Jati dari Sulawesi,
Indah hiasan ukiran terbilang,
Kreatif inovatif mencipta transformasi,
Perkasa kualiti, perkhidmatan cemerlang.

Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini
merasmikan Majlis Penutup Konvensyen Kumpulan Inovatif
dan Kreatif Peringkat Universiti Awam Kali ke 15 bagi tahun
2019.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah. Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima Kasih.